

# STRATEGI PELAKSANAAN

## PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT

### PEMBELAJARAN


**NAMA PUSAT**  
**FUNGSI**  
**TAJUK**

: **OUTDOOR LEARNING CENTRE**  
: **AKTIVTI LUAR**  
: **BERSIKHAN MINYAK ITU**

BIL	PERKARA	CATATAN	
1	<b>STANDARD KANDUNGAN</b>	KM 5.3	Memelihara dan memulihara alam sekitar
		FK 5.3	Menjaga keselamatan diri dan mendemonstrasi kemahiran kecekapan psikososial dalam kehidupan harian
2	<b>STANDARD PEMBELAJARAN</b>	KM 5.3.1	Bercerita tentang amalan memelihara dan memulihara alam sekitar
		KM 5.3.3	Membincangkan cara menangani masalah dan isu alam sekitar
		FK 5.3.6	Menyatakan cara menyelesaikan masalah semasa menghadapi situasi yang tidak selamat
3	<b>STREAM</b>	<b>S</b>	Meramal tentang kesan tumpahan minyak terhadap hidupan laut.
		<b>T</b>	Menggunakan peralatan untuk membersihkan tumpahan minyak.
		<b>R</b>	Menyatakan kepentingan adab dalam kehidupan sehari-hari
		<b>E</b>	Memasukkan sesuatu objek pada kedudukan yang telah ditetapkan ke dalam air
		<b>A</b>	Menghasilkan warna pelangi di dalam air
		<b>M</b>	Menyatakan kedudukan objek dalam ruang
4	<b>OBJEKTIF</b>	Di akhir pembelajaran kanak – kanak dapat:- Menerapkan amalan memelihara dan memulihara alam sekitar.	
5	<b>BBM</b>	Replika hidupan laut, air, bekas air, minyak, sabun, tuala, penyeduk, gayung, pasir	
6	<b>NILAI MURNI</b>	Kasih sayang, kepercayaan kepada tuhan	

BIL	PERKARA	CATATAN
-----	---------	---------

7

**STRATEGI PELAKSANAAN****Rajah 5 : Pencemaran Laut**

1. Kanak – kanak berkumpul di luar kelas
2. Kanak – kanak dibahagikan kepada 5 kumpulan
3. Setiap kumpulan diberikan bekas yang mengandungi air
4. Kanak – kanak diminta untuk meletakkan replika hidupan laut di dalam bekas tersebut
5. Kanak – kanak meletakkan minyak dan pewarna ke dalam air yang mengandungi replika hidupan laut tadi.
6. Guru bertanya kepada kanak – kanak apa yang dapat mereka lihat di dalam bekas yang berisi air tersebut.
7. Kanak – kanak menjawab soalan guru dengan tertib.
8. Guru menerangkan kepada kanak – kanak, bahawa mereka perlu mencari ikhtiar bagaimana cara membersihkan replika hidupan laut tersebut dari tumpahan minyak
9. Kanak – kanak menggunakan pelbagai alatan untuk mengeluarkan replika hidupan laut tersebut dari tumpahan minyak.
10. Kanak – kanak menggunakan pelbagai jenis bahan untuk membersihkan replika hidupan laut tersebut dari tumpahan minyak di badan mereka
11. Kanak – kanak menerangkan kepada rakan sekelas bahan yang paling berkesan untuk membersihkan badan replika hidupan laut tersebut ialah pasir, sabun dll.
12. Kanak-kanak berbincang tentang sebab dan aktibat pencemaran laut dalam gambarajah yang dipamerkan dalam kelas.

BIL	PERKARA	CATATAN
7	<b>STRATEGI PELAKSANAAN</b>	

- |  |  |
|--|--|
|  | 1. Guru menerangkan kepada kanak – kanak bahayanya tumpahan minyak pada hidupan di muka bumi |
|--|--|